

GREBE KECIL
Little Grebe

FAMILI: Podicipedidae
NAMA SAINTIFIK: *Tachybaptus ruficollis*



CIRI-CIRI

Bentuk badan hampir sama dengan itik tetapi ekornya tidak jelas kelihatan. Individu dewasa mempunyai bahagian atas kepala, tengkuk dan belakang badan yang berwarna hitam manakala bahagian bawah badan berwarna coklat cerah. Bahagian paruh berwarna pudar dengan mata berwarna hitam. Burung ini mempunyai corak bulu yang berbeza semasa musim pembiakan, iaitu bahagian tepi kepala dan leher akan bertukar kepada warna coklat kemerahan manakala bahagian tepi badan menjadi gelap. Panjang keseluruhan badan antara 25.0 - 29.0 sm.

TABIAT

Biasanya dilihat berenang di permukaan air dan sesekali menyelam untuk menyambar makanan.

MAKANAN

Ikan dan juga invertebrata akuatik.

HABITAT

Kawasan tasik, kolam dan juga paya sehingga ke ketinggian 1, 450 m dari aras laut.

BUNYI

Sekiranya terdapat ancaman di sekitar kawasannya, spesies ini akan mengeluarkan bunyi *wit* yang bernada tinggi.

PEMBIAKAN

Bulan April hingga Februari dan sarang biasanya terapung di permukaan air atau di atas vegetasi akuatik. Individu betina boleh menghasilkan antara 3-7 biji telur semasa musim pembiakan.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.